

Dalam lawatan melukis bersama rakan lebih dua setengah tahun lalu, Dr Ho Chee Lick terpaut melukis tempat ibadah di Singapura, termasuk 68 buah masjid. Hasil seninya dalam Siri Kepercayaan Singapura kini dipamerkan Perpustakaan Cawangan Marine Parade.

# Masjid pada lukisan dakwat Cina



MOHD RAMAN DAUD

KETIKA melukis di luar Masjid Hang Jebat tidak lama dahulu, Dr Ho Chee Lick disapa mesra imamnya, seorang lelaki berumur.

Beliau ialah Syed Abdul Hamid Alkaff (ustaz dan pembimbing jemaah haji/umrah dan pernah terkenal sebagai penyanyi 1950-an dengan lagu *Cenderawasih*) yang baru saja berpulang pada usia 82 tahun.

"Beliau sudah tiada?" tanya tersentak Dr Ho, 64 tahun, pensyarah kanan Linguistik dan Terjemahan di Jabatan Pengajian Cina, Universiti Nasional Singapura (NUS).

## SIRI TEMPAT IBADAH

Paparan masjid tadi antara 358 lukisan Dr Ho mengenai tempat ibadah di hampir serata Singapura, termasuk di kolong flat, sepanjang dua setengah tahun lalu.

Dalam satu lawatan lukis bersama seorang kawan, beliau terlihat kuil Cina kecil lagi usang, 'Dewa Monyet' di City Square Mall. Entah bagaimana hatinya terpaut menjadikan subjek 'rumah ibadah' sebagai misi lukisannya.

Sejak itu dalam dua tahun setengah, beliau mengharungi terik suria dan hujan menyisihkan masa berharganya bagi melukis 358 rumah ibadah - dari tokpekong, kuil Hindu, 68 masjid sehingga gereja.

Keghairahannya merakamkan secebis kisah kepelbagaian kehidupan di kota pulau kecil ini menjadi semacam seruan seninya. Ia begitu kuat dalam sanubarinya.

Kisahnyanya dan ehwal seni bina masjid diwacanakan dalam bahasa Inggeris oleh Dr Azhar Ibrahim, Felo Pelawat Jabatan Pengajian Melayu NUS dibantu Cikgu Muhammad Andi Zulkepli, pada tengah hari Sabtu 7 Februari di ruang kegiatan, Perpustakaan Cawangan Marine Parade.

## INDAH MASJID

Pejabat Dr Azhar di tingkat empat sementara Dr Ho di tingkat tiga bangunan yang sama di Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan NUS.

"Kami sering bersembang tentang kerja, masyarakat dan kesenian sehingga yang terkini iaitu perihal masjid yang menjadi tumpuan saya dalam kembara seni," kata Dr Ho.

Dr Azhar menyifatkan Dr Ho sebagai seorang intelek dan juga seniman berjaya besar yang mahir melukis dan bermain piano.

Pada pameran sebahagian lukisannya itu terdapat video yang menunjukkan Dr Ho bermain piano - mengalunkan irama klasik. Cukup profesional sentuhannya.

Menurut Dr Azhar, lukisan masjid Dr Ho merupakan suatu rakaman berharga - lebih berharga daripada foto.

"Walaupun foto menggambarkan sesuatu dengan rinci, lukisan pula memaparkan perasaan pelukis pada subjeknya," kata Dr Azhar.

Menurut Dr Azhar, masjid sudah wujud di Singapura lama sebelum pembukaan pulau ini sebagai loji Kompeni British Hindia pada 1819. Namun, masjid tertua yang sering ditonjolkan ialah Masjid Omar Kampung Melaka - kawasan yang menampung orang Melayu Melaka yang awal-awal hadir di sini untuk turut meneroka potensi Singapura sebagai pusat dagang dan santri.

"Lihatlah lukisan Dr Ho tanpa orang tetapi bangunan serta pemandangan pokok. Olan warna hijau, biru dan merah serta coretan krayon dengan kesan comot," kata Dr Azhar.



"Saya dapati masjid agak syahdu kerana tempat beramalnya lapang dan polos kecuali paparan tulisan atau hiasan khat. Jiwa saya tenang di masjid, sekalipun ia sebuah tempat kecil seperti kolong di flat estet Ghim Moh."  
- Dr Ho Chee Lick



MASJID PETEMPATAN SEMBAWANG. - Foto-foto DR HO CHEE LICK



MASJID AL-ABRAR



MASJID MALABAR

## LIKU PEMBINAAN

Berdasarkan daftar di laman sawang Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Dr Azhar menunjukkan Dr Ho tentang 68 masjid di Singapura ketika itu.

Kepada khalayak bukan Muslim Singapura, Dr Azhar telah membantu dalam menyusuri tiga tahap pembangunan masjid di Singapura - tahap pertama ialah masjid kampung atau petempatan tradisional yang masih terpelihara, dan dua tahap pembangunan masjid di estet perumahan.

Binaan masjid pada asalnya bersifat bumbung limas tetapi kemudian dipengaruhi oleh seni bina Mughal (India), Maghribi dan Barat.

"Sebenarnya masjid di Nusantara tidak perlu menara atau kubah. Sebabnya, hutan tropika memang padat, jadi suara diserap pokok. Bagi mengumumkan waktu solat, terdapat alatan lama pemberitahuan sebelum kedatangan Islam iaitu beduk dan kentung," jelas Dr Azhar.

Namun, lama-kelamaan bumbung li-

mas digantikan dengan bumbung berkubah (*dome*) dan sebagainya.

"Kubah merupakan teknologi import kerana kehadiran arkitek Eropah. Itulah sebabnya masjid di sini ada yang menjadi adunan seni bina Timur Tengah, Barat dan tempatan," hujah Dr Azhar

Bagi Dr Ho, kembara kepercayaannya cukup bermakna, terutama masjid yang memberikannya semacam ketenangan yang luar biasa.

"Pada mulanya saya bimbang: apakah kehadiran saya di masjid atau mana-mana tempat ibadah boleh menyinggung perasaan. Dr Azhar kata, 'tak ada masalah bagi masjid'. Tapi saya tahu beliau seorang intelek. Intelek selalunya liberal," kata Dr Ho disambut derai tawa 20 orang hadirin, sebahagiannya bukan Muslim.

Dr Ho mendapati kembara seninya diberi nama *Siri Kepercayaan Singapura* cukup memberangsang. Beliau menemui beberapa orang tua Muslim yang menyanyikan dengan baik dan mengajaknya masuk ke masjid. Hal serupa dialaminya juga di beberapa tempat ibadah yang lain.

## RASA SYAHDU

"Saya dapati masjid agak syahdu kerana tempat beramalnya lapang dan polos kecuali paparan tulisan atau hiasan khat. Jiwa saya tenang di masjid, sekalipun ia sebuah tempat kecil seperti kolong di flat estet Ghim Moh," ceritanya.

Kolong Blok 2 Ghim Moh itu diketahuinya ketika menanti anaknya pulang dari Sekolah Rendah Henry Park dulu.

Dr Azhar dan Cikgu Muhammad Andi menyusuri slaid - hampir setiap lukisan masjid. Menurut Dr Azhar, masjid dahulu mempunyai semacam ruang sebelum sampai ke ruang solatnya. Hal tersebut memberikan semacam jarak kerohanian. Bagaimanapun, hal ini dirasakan 'hilang' pada masjid baru akibat masalah keterbatasan ruang.

"Kami dapati lukisan Dr Ho, baik masjid atau rumah ibadah yang lain, tanpa memaparkan manusia. Ini disengajakannya bagi memberikan fokus yang luar biasa dalam perjalanan kerohanian," ujar Dr Azhar.

## Cinta pada seni sejak kecil

CINTA Dr Ho Chee Lick pada seni lukis berputik di Sekolah Tinggi China di Bukit Timah antara 1962-1967.

"Saya bertuah kerana mendapat bimbingan pelukis Cina terkenal seperti Dr Chen Wen Hsi dan Encik Chen Chong Swee," katanya yang juga belajar bermain piano sejak kecil.

## DUA GURU

Dr Chen Wen Hsi (1906-1992) merupakan antara perintis seni rupa Nanyang (panggilan bagi pendatang Cina di Asia Tenggara) dari segi lukisan cat, lakaran dan dakwat Cina. Beliau telah mendapat sanjungan nasional, termasuk gelar doktor falsafah (seni lukis) dari Universiti Nasional Singapura.

Encik Chen Chong Swee (1910-1985) terkenal dengan lukisan cat airnya dan juga pelukis perintis Nanyang.

Keghairahan dan kesabarannya belajar merupakan kekuatannya untuk meniti kehidupan sebagai ahli bahasa Mandarin sambil meneruskan kegiatannya dalam bidang seni. Beliau pernah menuntut ke peringkat sarjana dan doktor falsafah di Universiti Kansas, Amerika Syarikat.

"Saya begitu kemaruk dengan dwibidang intelek dan seni sehingga saya berkahwin lewat. Anak lelaki tunggal saya kini sedang menjalani Perkhidmatan Negara (NS)," kata penerima Anugerah Fulbright (biasiswa dari Amerika Syarikat) sambil tersengih.

"Pada jiwa saya, ada sikap cerakin (analitik) dan romantik (seni) yang saya cukup hargai dan cuba saya suburkan sehingga kini," katanya.

## CARA PRAKTIKAL

Namun, beliau memilih menjadi pelukis yang praktikal. Dengan mengelek beg sandang yang berisi kertas lukisan dan beberapa batang krayon yang berwarna asas seperti hitam, biru dan kuning, beliau sering mengadakan lawatan lukis, sama ada bersendirian atau ditemani kawan seperjuangan.

"Lazimnya kertas lukisan tadi saya palitkan dulu dengan warna dakwat Cina," katanya. Ini merupakan amalnya dari segi lukisan dakwat Cina, suatu teknik yang tersendiri sebagai abstrak. Cara ini juga menjimatkan masa.

Dalam menghasilkan 358 lukisan dalam *Siri Kepercayaan Singapura*, beliau menghabiskan tiga hingga empat lawatan ke rumah ibadah dalam sehari selama dua tahun setengah.

"Saya nampak kulit beliau menjadi sawo matang kerana melukis di tengah panas," ujar Dr Azhar Ibrahim, rakan akademiknya dari Jabatan Pengajian Melayu, NUS.

Lewat buku kecil, *Ho Chee Lick - Homage to the Faithful* (2015), hampir keseluruhan lukisannya mengenai rumah ibadah di Singapura dipaparkan, beserta nota ringkas dan kata pengantar yang merangsangkan oleh kurator Cik Joanna Lee.

Namanya mengharum sejak kembali daripada belajar lama di Amerika. Beliau pernah mengajar di Jabatan Bahasa Inggeris NUS dan kemudian Jabatan Pengajian Cina sehingga kini.

Sejak 1990, beliau mulai gigih menampilkan kesenimannya sebagai pemain piano, puisi serta kebolehan menyanyi.

Siri lukisan dakwatnya mengenai kehidupan di Pulau Ubin dan estet perumahan Tiong Bahru telah mendapat sorotan luas. Sebahagian karyanya menjadi koleksi Galeri Nasional Singapura dan Muzium NUS.